

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	Program Amalan Baik Peraturan (GRP) Peringkat Kerajaan Negeri Pahang
OBJEKTIF	:	• Membantu Negeri Pahang dalam pembentukan polisi GRP dapat diterapkan dalam proses penggubalan peraturan negeri. • Melatih pegawai Kerajaan Negeri Pahang yang terlibat dalam pelaksanaan projek perintis RIA (Analisa Impak Peraturan)
TARIKH PROGRAM	:	Januari – Disember 2020
KOS TERLIBAT	:	RM150,000
BAJET	:	RMKe-11 (2020) NPDIR
UNIT / BAHAGIAN	:	PCD
Komen/ Tandatangan oleh PCT	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN KEPADA LEMBAGA PENGURUSAN (BOM)

1.0 Tujuan

Memohon kelulusan untuk peruntukan RMKe-11 (2020) NPDIR bagi menjalankan program Amalan Baik Peraturan (GRP) Peringkat Kerajaan Negeri Pahang dengan anggaran perbelanjaan berjumlah RM150,000.

2.0 Latar Belakang

2.1 Dalam Rancangan Malaysia ke 11, inisiatif Bab 8: Transformasi Perkhidmatan di bawah Strategi A2 menekankan kepada semakan peraturan secara komprehensif dan dipanjangkan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

2.2 Cadangan pelaksanaan Amalan Baik Peraturan peringkat Negeri Pahang telah pun dibentangkan dalam mesyuarat bersama Y.B. Dato' Sri Muhammad Safian Bin Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada 12 April 2018 di mana Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju untuk melaksanakan GRP di peringkat negeri Pahang.

2.3 Setakat hari ini, beberapa siri bengkel Amalan Baik Peraturan dan Projek Perintis Negeri Pahang telah pun dilaksanakan termasuk pendrafan peringkat akhir Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang. Mesyuarat bersama YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang telah diadakan pada 4 Mac 2019 di Pejabat YB SUK Pahang bagi membentangkan kemajuan projek GRP Negeri Pahang.

2.4 Diantara program yang dicadangkan untuk dilaksanakan pada tahun 2020 di Negeri Pahang adalah:

- i. Seminar dan Bengkel RIA;
- ii. Pelaksanaan Projek Rintis GRP Negeri Pahang;
- iii. Kunjungan Amalan Terbaik;
- iv. Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang;
- v. Pelancaran Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang

3.0 Objektif

- 3.1 Membantu Negeri Pahang dalam pembentukan polisi GRP dapat diterapkan dalam proses penggubalan peraturan negeri.
- 3.2 Melatih pegawai Kerajaan Negeri Pahang yang terlibat dalam pelaksanaan projek perintis RIA (Analisa Impak).

4.0 Output

Jangkaan ouput bagi projek ini adalah:

- Laporan projek termasuk pelan tindakan, *slide presentation*, kertas cadangan, minit mesyuarat dan sebagainya;
- Seminar dan Bengkel RIA;
- Projek Rintis RIA;
- Dasar GRP Negeri Pahang; dan
- Buku Panduan Amalan Baik Peraturan

5.0 Jadual kerja

Bil	Aktiviti	Jan	Feb	Mac	Apr - Oct
1.	Kunjungan Dan Perkongsian Amalan Baik Peraturan (GRP) Negeri Sarawak Untuk Negeri Pahang	30 Jan '20	1 Feb '20		
2.	Mesyuarat bersama BPEN Pahang bagi draf akhir Buku Panduan GRP dan Dasar Negeri Pahang serta pembentangan kepada YH Dato' Sri SS Pahang		12 Feb '20		
3.	Pelancaran Buku Panduan GRP dan Dasar Negeri Pahang			2 Mac '20	
4.	Penyediaan Laporan Pelaksanaan GRP Negeri Pahang		Feb - Oct 2020		
5.	Projek Rintis RIA		Feb - Oct 2020		

6.0 Butiran anggaran perbelanjaan

No.	Item	Kos (RM)
1.	Perkhidmatan Tenaga Pakar i. Penyelidik/perunding/ <i>subject matter expert</i> ii. Sekretariat/rapporteur (RM1,700/ <i>man-day</i> X 2 hari x 2 sesi) iii. Rapporteur / Honorarium (RM 1,000/hari x 2 hari)	30,000 5,000 2,000
2.	Seminar / Bengkel dan Pengangkutan A. Seminar / Bengkel i. Pakej Residensi/makan dan minum (RM500/orang x 35 orang x 2 hari x 2 sesi) B. Seminar / Bengkel ii. Pakej Residensi/makan dan minum (RM500/orang x 20 orang x 2 hari x 1 sesi) C. Pakej Pengangkutan: i. Tiket penerbangan (RM 500 x 8 orang x 2 hala) ii. Pengangkutan (RM 2,000 x 3 hari)	 70,000 20,000 8,000 6,000
3.	Penerbitan Buku Panduan dan Dasar GRP Pahang i. Reka bentuk dan Percetakan Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang untuk Pengurusan Tertinggi Kerajaan Negeri Pahang. ii. Mesyuarat bersama Kerajaan Negeri Pahang dan Pembentangan Draft Buku Panduan Amalan Baik Peraturan dan Dasar GRP Negeri Pahang di BPEN, Pahang.	6,500
4.	Pelancaran Buku Panduan dan Dasar GRP Pahang Seminar / Pelancaran i. Pakej Penginapan Pegawai (RM250/orang x 10 orang x 1 hari)	2,500
	Total	150,000

7.0 Syor

Bahagian PCD memohon kelulusan BOM untuk peruntukan RMKe-11 (2020) NPDIR bagi menjalankan program Amalan Baik Peraturan bersama Kerajaan Negeri Pahang dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM150,000.

Disediakan oleh:

Haslizayanti

(HASLIZAYANTI OTHMAN)
Penolong Pengurus
PCD

Disemak oleh:

Alamin

(MOHAMMED ALAMIN REHAN)
Pengurus Kanan
PCD